

FALSAFAH DAN AMALAN PENDIDIKAN ISLAM SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS - SATU HURAIAN KONSEP ASLI ISLAMISASI, oleh Wan Mohd Nor Wan Daud. Cetakan Kesepuluh, 2023. Universiti Kebangsaan Malaysia: Selangor. Halaman 372. ISBN 983-100-241-5

Penulisan buku Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi oleh Wan Mohd Nor Wan Daud terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia bertujuan menghuraikan idea dan amalan pendidikan cendekiawan Islam yang terulung dan amat kreatif, Syed Muhammad Naquib al-Attas. Beliau ialah ahli falsafah sejarah Malaysia dan diiktiraf sebagai pemikir Islam moden terkemuka pada abad ke-21. Karya ini mungkin yang pertama dalam wacana pendidikan Islam hari ini. Buku ini yang diterbitkan semula telah mencapai cetakan kesepuluh pada tahun 2023. Pengulangan cetakan ini menunjukkan faktor penting yang menjadikan buku ini terus relevan dan mendapat sambutan. Buku ini juga memberikan penerangan menyeluruh tentang konsep Islamisasi ilmu yang dibangunkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas yang merupakan topik penting dalam akademik Islam. Dalam konteks cabaran globalisasi dan sekularisme, konsep ini kekal relevan bagi menyusun semula paradigma ilmu berdasarkan pandangan hidup Islam.

Penelitian dan pembacaan terhadap buku ini penting kerana buku ini digunakan secara meluas sebagai rujukan dalam institusi pendidikan tinggi, khususnya dalam bidang falsafah pendidikan Islam dan Islamisasi ilmu. Buku ini juga sering dijadikan bahan kajian oleh pensyarah, pelajar pascasiswazah dan pengkaji falsafah Islam dalam dan luar negara. Wan Mohd Nor Wan Daud merupakan seorang tokoh akademik yang disegani, manakala Syed Muhammad Naquib al-Attas ialah seorang pemikir yang hebat dalam dunia Islam. Buku ini menyentuh isu asas pendidikan Islam termasuk persoalan falsafah ilmu, tujuan pendidikan dan kaedah pembinaan insan. Hal ini menjadikan buku ini relevan dalam pembaharuan sistem pendidikan Islam khususnya dalam dunia yang semakin mencabar dari segi akhlak dan rohani. Buku ini menjadi teks wajib atau disyorkan dalam kursus yang berkaitan pendidikan Islam, falsafah dan tamadun Islam. Pengulangan cetakan sehingga edisi kesepuluh membuktikan buku ini adalah karya klasik yang relevan, bernilai tinggi dan terus memenuhi keperluan pembaca dari pelbagai bidang dan generasi.

Penulis menggunakan pelbagai sumber yang diterbitkan dan tidak diterbitkan, temu bual dan perhatian langsung tentang sikap dan amalan Syed Muhammad Naquib al-Attas sebagai seorang pemikir dan pendidik. Buku ini penting kerana ia mengandungi huraian, analisis dan perbandingan idea dan amalan agama yang sistematik dan mendalam serta pendidikan mata pelajaran berkenaan dengan tokoh-tokoh pemikiran dan pendidikan Islam semasa (seperti Abduh, Iqbal, Fazlur Rahman, Ismail al-Faruqi, S.H. Nasr, Abdul Karim Soroush dan lain-lain) dan yang bukan Islam. Antara topik utama dan penting yang dibincangkan berhubung dengan yang lain ialah pandangan dunia metafizik Islam (*Metaphysical worldview of Islam*); ilmu dan pelbagai cara mencapainya; makna, kandungan dan kaedah pendidikan; fardu ain dan fardu kifayah; kaedah tauhid dalam epistemologi dan pendidikan; tafsir dan takwil sebagai kaedah saintifik; Bahasa Arab sebagai bahasa saintifik; konsep dan realiti universiti Islam; sejarah Islamisasi ilmu pengetahuan semasa.

Apabila meneliti setiap hujah dan perbincangan dalam buku ini, seseorang yang mendalami pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas, pandangan falsafahnya, serta konsep Islamisasi yang dicadangkannya, hendaklah sentiasa mencari panduan dan kaedah tauhid dalam ilmu pengetahuan yang disampaikan. Hakikatnya, ilmu pengetahuan dan pendidikan tidak akan

mencapai kesempurnaan dan keberkatan kecuali dengan mengikuti prinsip-prinsip tauhid dan pandangan pendidikan Islam yang sejati seperti yang dianjurkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas.

Sebelum meneruskan ulasan, terlebih dahulu diperkenalkan sedikit sebanyak latar belakang penulis iaitu Wan Mohd Nor Wan Daud merupakan sarjana terkenal dalam bidang pendidikan Islam dan pemikiran Islam kontemporari, khususnya berkaitan dengan gagasan Islamisasi ilmu. Beliau dilahirkan di Kelantan pada tahun 1955. Wan Mohd Nor memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan dan Sains Politik dari Universiti Malaya. Beliau kemudiannya meneruskan pengajian di peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD) di *University of Chicago*, Amerika Syarikat. Di situ, beliau mendalmi pendidikan Islam di bawah bimbingan Syed Muhammad Naquib al-Attas, yang menjadi mentornya. Beliau pernah bertugas sebagai pensyarah di Universiti Malaya sebelum menyertai *International Institute of Islamic Thought and Civilization* (ISTAC) yang diasaskan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas. Wan Mohd Nor berperanan penting dalam pembangunan ISTAC dan pernah menjadi Timbalan Pengarah institut tersebut. Sebagai ahli akademik, Wan Mohd Nor menghasilkan pelbagai karya penting, termasuklah, ‘Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi’ dan ‘*The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization*’. Karyakaryanya banyak membincangkan konsep pendidikan Islam yang berlandaskan adab dan integrasi ilmu wahyu serta ilmu semasa. Beliau juga menulis tentang relevansi Islamisasi dalam menghadapi cabaran intelektual dunia moden. Wan Mohd Nor Wan Daud kini berkhidmat sebagai pemegang Kursi Syed Muhammad Naquib al-Attas di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC-IIUM) di Malaysia. Beliau juga aktif dalam kerja-kerja akademik dan kolaborasi dengan institusi antarabangsa, termasuk menyampaikan kuliah mengenai pendidikan Islam dan prinsip-prinsip tasawuf di Universiti Uskudar di Turki.

Buku ini terbahagi kepada tujuh bab utama yang membincangkan pelbagai aspek falsafah dan pendidikan Islam berdasarkan pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas. Bab pertama memfokuskan kepada pandangan metafizik Islam tentang wujud dan kewujudan, termasuk konsep manusia, psikologinya dan hubungan antara kebebasan serta takdir manusia dengan alam semesta. Bab kedua merangkumi ilmu dan cara mencapainya termasuk definisi ilmu, jenis ilmu dan saluran ilmu. Bab ketiga membincangkan maksud dan tujuan pendidikan, menekankan kepentingan individu, konsep insan adabi, pembangunan masyarakat dan masalah kehilangan adab. Bab keempat membincangkan idea dan realiti universiti Islam sebagai mikrokosmos, termasuk kebebasan akademik, perpustakaan dan pendidikan tinggi dari perspektif Islam. Bab kelima memberi tumpuan kepada kurikulum dan kaedah pengajaran, seperti persiapan rohani, peranan guru, hierarki ilmu, fardu ain dan fardu kifayah, serta peranan bahasa dan kaedah tauhid. Bab keenam mengkaji teori dan amalan Islamisasi ilmu pengetahuan semasa, dengan perbincangan tentang aktivisme intelektual Syed Muhammad Naquib al-Attas, sifat ilmiah Bahasa Arab dan tafsirannya dalam konteks Islam. Bab terakhir merangkumkan respon terhadap Islamisasi sains semasa, membandingkan pandangan tokoh seperti al-Faruqi, Seyyed Hossein Nasr, dan Fazlur Rahman, serta membincangkan dua sifat Islamisasi. Struktur kandungan ini menggambarkan usaha komprehensif Syed Muhammad Naquib al-Attas mengintegrasikan ilmu, pendidikan dan pandangan Islam ke arah pembentukan masyarakat yang berilmu dan bertamadun.

Buku ini merupakan sebuah karya penting yang membincangkan falsafah Islam, pendidikan dan pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas. Buku ini terbahagi kepada tujuh bab utama

tetapi ulasan ini akan memfokuskan kepada tiga bab pertama yang merangkumi aspek metafizik, ilmu dan tujuan pendidikan. Perbincangan dalam bab-bab ini membentuk asas pemahaman terhadap pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas mengenai konsep wujud, ilmu pengetahuan dan peranan pendidikan dalam membentuk individu serta masyarakat yang bertamadun. Penekanan kepada tiga bab pertama dalam buku ini, dapatlah disimpulkan bahawa pendidikan Islam mesti digubal dan dilaksanakan dengan matlamat utama melatih manusia mengenal hakikat diri dan pencipta-Nya. Hal ini mampu menyumbang kepada kesejahteraan individu dan masyarakat berdasarkan prinsip tauhid. Buku ini memberikan panduan yang jelas tentang bagaimana pendidikan boleh diislamisasikan untuk mengembalikan keadilan dan keseimbangan dalam sistem kehidupan moden.

Dalam Bab 1 yang bertajuk *Pandangan Metafizik Tentang Wujud dan Kewujudan*, penulis membahaskan asas falsafah pendidikan menurut pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas. Pandangan metafizik Syed Muhammad Naquib al-Attas menekankan penyelarasan ilmu dengan prinsip tauhid dan akidah Islam. Beliau menegaskan bahawa metafizik Islam berteraskan keesaan kepada Allah sebagai asas utama. Ilmu yang benar perlu berpegang kepada prinsip tauhid, merujuk kepada ketuhanan dan menjaga akhlak yang tinggi. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, hubungan manusia dengan Tuhan merupakan inti utama dalam metafizik Islam. Beliau melihat bahawa ilmu yang benar bukan sahaja berkaitan dengan dunia fizikal, tetapi juga mengarahkan manusia kepada pemahaman mendalam tentang tujuan hidup mereka, iaitu untuk beribadah kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, Syed Muhammad Naquib al-Attas menolak konsep sekularisme yang menurutnya memisahkan agama daripada ilmu pengetahuan. Beliau menegaskan bahawa sekularisme membawa kepada kekeliruan dan ketidakserasan dalam memahami realiti, sekaligus memerlukan penjernihan ilmu daripada unsur-unsur sekular yang bertentangan dengan akhlak Islam. Pandangan metafizik yang diketengahkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas ini dapat dilihat dalam karya-karyanya, termasuk kajian beliau terhadap dua sarjana besar dunia Melayu, Hamzah al-Fansuri dan Nur al-Din al-Raniri, serta dalam buku *Islam and Secularism*. Konsep ilmu menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas tidak boleh dipisahkan dari aspek kerohanian dan haruslah selaras dengan prinsip tauhid untuk mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat.

Bab 2 pula, penulis membincangkan secara mendalam tentang konsep ilmu dan bagaimana ia boleh dicapai, berdasarkan kepada pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas, yang menekankan bahawa ilmu dalam tradisi Islam ialah ilmu yang bersumberkan wahyu Allah SWT, bertujuan untuk membimbing manusia memahami hakikat kewujudan dan membimbing manusia mereka ke arah tujuan hidup dan hubungan yang lebih mendalam dengan Allah SWT. Ilmu bukan sekadar pengumpulan fakta atau maklumat, tetapi adalah pencerahan yang harus bebas daripada unsur-unsur sekularisme dan pemikiran Barat yang bertentangan dengan akhlak Islam. Selain itu, Syed Muhammad Naquib al-Attas menekankan kepentingan adab dalam kehidupan manusia, yang merujuk kepada etika dan budi pekerti tinggi yang mengatur hubungan manusia dengan Allah SWT, alam dan sesama manusia. Pendidikan adab dilihat penting dalam membentuk individu yang bertanggungjawab sosial dan bermoral tinggi, serta membantu mencapai keseimbangan antara ilmu pengetahuan dan nilai-nilai spiritual. Dalam hubungan manusia dengan Allah SWT, Syed Muhammad Naquib al-Attas menegaskan bahawa tauhid adalah asas pemikiran dan kehidupan manusia, yang menjadi teras utama dalam metafizik Islam, dengan menekankan keesaan Allah swt dan kebergantungan manusia kepada-Nya. Dalam konteks pendidikan, prinsip tauhid bertujuan untuk membawa manusia kepada pemahaman yang mendalam tentang peranan mereka sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi. Pendidikan yang benar adalah yang mengembalikan manusia kepada prinsip

tauhid, membina hubungan langsung dengan Tuhan, serta menjauhkan mereka daripada pengaruh sekularisme dan materialisme. Secara umumnya, Bab 2 menerangkan pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas tentang kepentingan ilmu, akhlak dan tauhid dalam pendidikan Islam yang bertujuan melahirkan individu yang seimbang dari segi intelek, rohani dan akhlak.

Sementara itu, Bab 3 penulis membincarakan beberapa tema penting berkaitan pendidikan Islam, termasuk makna dan tujuan pendidikan, di mana menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, pendidikan tidak hanya bertujuan menghasilkan individu yang berpengetahuan, tetapi juga membentuk manusia yang mampu memahami tempatnya dalam sistem kehidupan (kosmos) berdasarkan prinsip tauhid, dengan menekankan bahawa pendidikan ialah proses penyampaian hikmah dan makna yang membawa kepada keseimbangan antara ilmu dan akhlak. Penulis turut mengetengahkan pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas yang mengutamakan individu dalam pendidikan, dengan menegaskan bahawa pendidikan mesti diarahkan kepada pembangunan insan sebagai entiti rohani dan fizikal, bukan sekadar memenuhi keperluan ekonomi atau politik. Dalam hal ini, Syed Muhammad Naquib al-Attas memperkenalkan konsep Insan Adabi, iaitu manusia yang beradab, yang mengetahui dan menghormati hakikat sesuatu, termasuk dirinya sendiri, masyarakat dan Tuhan, di mana insan adabi merupakan model ideal manusia yang memahami tujuan hidupnya untuk menyembah Allah swt dan membawa manfaat kepada dunia, di samping menjadi orang pertama yang memahami dan menterjemahkan perkataan *addabani* sebagai ‘mendidikku’. Penulis juga menekankan pengembangan masyarakat, yang mana Syed Muhammad Naquib al-Attas melihat pendidikan sebagai alat untuk membangun masyarakat berakhlaq kerana masyarakat yang beradab akan melahirkan sistem sosial yang harmoni di mana ilmu dan akhlak Islam memandu semua aspek kehidupan. Salah satu kebimbangan utama yang turut dibincangkan adalah fenomena kehilangan adab (loss of adab), yang merujuk kepada kekeliruan ilmu dan penyelewengan dalam sistem nilai, yang menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas merupakan akar kepada pelbagai krisis dalam masyarakat moden, termasuk sekularisme dan materialisme.

Kekuatan yang terkandung dalam buku ‘Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Naquib Syed Muhammad Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi’ karya Wan Mohd Nor Wan Daud terletak pada tiga aspek utama. Buku ini memberikan penjelasan yang jelas dan mendalam tentang konsep Islamisasi ilmu yang diperkenalkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas. Penulis menggunakan bahasa yang padat tetapi tidak rumit, yang membolehkan pembaca dari latar belakang yang berbeza memahami sepenuhnya intipati idea Islamisasi. Penulis menghubungkan falsafah Islam klasik dengan cabaran moden, menunjukkan kesinambungan antara tradisi intelektual Islam dan keperluan zaman kontemporari. Pendekatan ini memberikan konteks yang relevan dan menyegarkan, memposisikan karya ini sebagai jambatan antara teori Islam tradisional dan aplikasi kontemporari. Buku ini tidak hanya membincangkan teori tetapi juga menekankan aspek aplikasi praktikal. Penekanan pada reformasi pendidikan menjadikan buku ini sesuai untuk golongan pendidik, pembuat dasar dan masyarakat yang ingin memahami bagaimana konsep Islamisasi dapat diterapkan dalam sistem pendidikan masa kini.

Buku ini memberikan pemahaman mendalam tentang falsafah pendidikan Islam yang sering diabaikan dalam sistem pendidikan konvensional. Menerusi pembacaan ini, didapati konsep adab dan ilmu yang diketengahkan sangat relevan untuk membentuk sistem pendidikan yang seimbang dan holistik. Gaya bahasa yang digunakan dalam buku ini cenderung bersifat

akademik dan kompleks. Hal ini mungkin mencabar bagi pembaca umum atau individu tanpa latar belakang falsafah atau pendidikan tinggi. Hal ini menyebabkan kandungan buku ini sukar diakses oleh khalayak dengan lebih luas.

Secara umumnya, buku ‘Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Naquib Syed Muhammad Naquib al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi’ menjadi rujukan penting bagi mereka yang ingin memahami asas falsafah dan pembaharuan pendidikan Islam. Buku ini sesuai untuk pembaca yang terlibat dalam pendidikan, falsafah dan membuat dasar. Dengan pembacaan dan penghayatan yang mendalam, buku ini dapat menjadi panduan utama untuk memulihkan kembali peranan pendidikan Islam dalam masyarakat moden. Buku ini berjaya memberikan panduan intelektual dan praktikal untuk membangunkan pendidikan Islam yang lebih holistik dan selaras dengan prinsip tauhid.

Nor Izwani Daud

Pelajar Sarjana Pendidikan (Pengajian Islam)
Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi (FEST)
Universiti Tekologi Malaysia

Dr. Muhammad Talhah bin Ajmain @ Jima'ain

Akademi Tamadun Islam (ATI)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSH)
Universiti Tekologi Malaysia

Dr Siti Suhaila Binti Ihwani

Akademi Tamadun Islam (ATI)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSH)
Universiti Tekologi Malaysia